



TEKS UCAPAN PERASMIAN

**YB LOKE SIEW FOOK
MENTERI PENGANGKUTAN**

**SEMPENA
PROGRAM PEMERKASAAN BELIA MELALUI PROGRAM
MYLESEN B2 / MyB2S ANJURAN JABATAN
PENGANGKUTAN JALAN (JPJ) YONG PENG, JOHOR**

**DI
DEWAN SJK (C) YONG PENG 1, YONG PENG, JOHOR
16 JUN 2026 (SELASA) | 10.00 PAGI**

Selamat pagi, salam sejahtera, dan Salam Malaysia MADANI.

RUJUK SALUTASI TERKINI

Yang Berhormat Datuk Haji Hasbi bin Haji Habibollah
Timbalan Menteri Pengangkutan;

Yang Berbahagia Dato' Seri Jana Santhiran Muniayan
Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan;

Yang Berbahagia Dato' Aedy Fadly bin Ramli
Ketua Pengarah Pengangkutan Jalan;

Pegawai-pegawai kanan kementerian, jabatan, agensi kerajaan
dan negeri, rakan-rakan strategik, rakan-rakan media;

Seterusnya, para guru, ibu bapa, serta anak-anak yang dikasihi
sekalian.

KATA ALUAN

Hadirin yang dikasihi sekalian,

1. Terlebih dahulu, saya ingin menyatakan rasa amat gembira kerana pada pagi yang penuh bermakna ini, kita dapat bersama-sama berhimpun di **Dewan SJK (C) Yong Peng 1, Yong Peng, Johor**. Kehadiran kita pada hari ini adalah demi menjayakan satu agenda besar negara, iaitu **Program Pemerkasaan Belia melalui Program MyLesen B2 dan MyB2S anjuran Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) peringkat Daerah Yong Peng, Johor**.
2. Umum mengetahui, kedua-dua program ini merupakan hasrat murni Kerajaan MADANI di bawah kepimpinan YAB Perdana Menteri, untuk memastikan **keselamatan, kesejahteraan dan meningkatkan kualiti hidup** golongan **B40 di Malaysia** agar golongan ini, tidak tertinggal dalam arus pembangunan negara kita.
3. Mengimbas kembali pada **11 Mei 2026** yang lalu, saya bersama-sama **YB Fadhlina Sidek, Menteri Pendidikan**, telah melancarkan program **MyB2S Peringkat Kebangsaan di Johor Bahru, Johor**. Hari ini, di Yong Peng, kita berkumpul sekali lagi untuk menterjemahkan komitmen tersebut melalui penyerahan lesen kepada **semua penerima fasa kedua** program terbabit di dalam kawasan sekitar Yong Peng ini.

REALITI SEBENAR

Hadirin yang dikasihi sekalian,

4. Lesen memandu pada hari ini **bukan lagi satu kemewahan** atau **sekadar sekeping kad plastik** di dalam dompet. Lesen memandu adalah satu keperluan asas kehidupan. Ia adalah **'kebenaran'** untuk **melengkapkan fungsi harian, kunci untuk mencari rezeki**, dan instrumen penting untuk **meningkatkan taraf sosio-ekonomi keluarga**.
5. Setiap hari juga, berpuluh-puluh ribu murid akan hadir ke sekolah menggunakan **pelbagai mod pengangkutan darat**, termasuklah **menggunakan motosikal**. Mereka semua terdedah kepada **risiko dan cabaran** semasa berada di atas jalan raya. Maka, usaha-usaha perlu **ditingkatkan oleh semua pihak**, bukan sahaja oleh pihak **JPJ atau PDRM**, tetapi juga **ibu bapa, pihak sekolah** dan juga **murid-murid sendiri**, bertanggungjawab untuk menjaga keselamatan diri.
6. Di kawasan luar bandar dan pinggir bandar, motosikal bukan sekadar bentuk kenderaan, tetapi merupakan **mod pengangkutan utama** yang digunakan untuk menuntut ilmu. Namun, kita **tidak boleh menutup mata** atau **berpeluk tubuh** apabila menerima laporan bahawa masih ramai anak-anak kita yang menunggang motosikal ke tempat kerja atau sekolah **tanpa mempunyai Lesen Memandu Malaysia (LMM) yang sah**.

7. Perkara ini **amat membimbangkan** jika tidak dipantau dan dibiarkan berterusan. Menunggang motorsikal tanpa lesen bukan sahaja menjadi suatu **kesalahan undang-undang**, malah mendedahkan anak-anak kita kepada risiko **keselamatan yang amat tinggi**. Lebih parah lagi, tanpa lesen yang sah, mereka **tidak dilindungi** oleh mana-mana perlindungan insurans sekiranya terlibat dalam **sebarang kemalangan jalan raya**.

KEPRIHATINAN KERAJAAN

Hadirin yang dikasihi sekalian,

8. Kerajaan sedar bahawa kos untuk mengambil lesen memandu pada hari ini bagi sesetengah keluarga adalah **satu bebanan yang besar**. Sebarang wang yang ada terpaksa diperuntukkan bagi **keperluan mendesak lain** seperti membeli **barangan keperluan harian** atau **perbelanjaan sekolah anak-anak**.
9. Oleh itu, melalui **Program MyLesen B2 dan MyB2S**, Kerajaan MADANI telah menyediakan peruntukkan untuk menanggung kos pelesenan tersebut.
10. Justeru itu, Kerajaan melalui **MOT dan JPJ** komited melaksanakan inisiatif yang amat penting ini. Langkah ini bertujuan untuk **meringankan beban kewangan keluarga B40** di samping memperkasakan golongan belia. Selain itu, fokus

paling utama adalah untuk **meningkatkan tahap keselamatan jalan raya** dengan memastikan setiap penunggang motosikal **mempunyai kemahiran dan pengetahuan undang-undang jalan raya**. Dengan pengetahuan dan kemahiran ini, dapat membantu **mengurangkan risiko berlakunya nahas jalan raya**, selain menangani isu penunggang motosikal yang **tidak mempunyai lesen memandu yang sah**.

11. Pada tahun lepas, sejumlah **25 ribu peserta** telah mendapat manfaat di bawah program **MyLesen B2** di seluruh negara dengan peruntukan melebihi **RM8 juta**. Untuk tahun ini, sejumlah **30 ribu peserta lagi** akan terlibat di dalam program sama dan dijangka akan selesai sepenuhnya menjelang akhir **bulan Jun 2026**. Keseluruhan kos yang ditanggung oleh Kerajaan untuk **program MyLesen B2 bagi tahun 2026** ini berjumlah **RM10.5 juta**.
12. **Program MyB2S** pula melibatkan peruntukan sebanyak **RM18.5 juta** yang ditanggung sepenuhnya oleh Kerajaan bagi memberi manfaat kepada **sehingga 60 ribu** orang murid sekolah. Bagi **Negeri Johor**, seramai **8 ribu orang peserta** menerima manfaatnya dengan peruntukan sebanyak **RM2.4 juta**. Syabas dan tahniah saya ucapkan kepada peserta dari Negeri Johor yang terpilih untuk menerima tajaan ini.

SINERGI MOT & KPM

Hadirin yang dikasihi sekalian,

13. Sinergi erat antara **MOT** dan **Kementerian Pendidikan (KPM)** adalah bukti komitmen berterusan Kerajaan. Peluncuran pada program di Johor Bahru tersebut merupakan **titik permulaan kepada usaha bersepadu** demi menjaga keselamatan, mempermudah mobiliti, serta memelihara kebajikan murid-murid sekolah di seluruh negara.
14. Pada pagi ini, program yang diadakan akan melibatkan **dua (2) kumpulan** mengikut fasa pelesenan yang berbeza.
15. **PERTAMA**, bagi para peserta program **MyLesen B2**: Syabas saya ucapkan kerana pada hari ini, semua peserta terlibat secara rasminya akan menerima **Lesen Memandu Percubaan atau Lesen 'P'**. Ini bermakna, anda semua telah **selesai sepenuhnya menjalani latihan dan telah lulus ujian kompeten** dengan cemerlang. Kini anda semua telah diiktiraf sebagai **penunggang yang kompeten** dan dibenarkan menunggang di atas jalan raya dengan mematuhi semua peraturan undang-undang.
16. **KEDUA**, bagi para pelajar sekolah di bawah program **MyB2S**: Hari ini, adik-adik akan menerima **Lesen Belajar Memandu atau Lesen 'L'**. Saya ingin mengingatkan bahawa perjalanan adik-adik baru sahaja bermula. Penyerahan Lesen L ini

bermakna adik-adik kini **dibenarkan secara sah** untuk memulakan **latihan amali menunggang motosikal** di bawah bimbingan pengajar institut memandu. Manfaatkan peluang ini. Berikan fokus sepenuhnya sepanjang sesi latihan praktikal nanti agar adik-adik dapat lulus ujian amali dengan jayanya kelak.

DATA KEMALANGAN

Hadirin yang dikasihi sekalian,

17. Di sebalik kegembiraan kita menerima lesen memandu pada hari ini, ada satu **amanah besar** yang digalaskan di bahu **setiap penerima**. Lesen memandu yang akan anda terima bukan sekadar **kebenaran undang-undang** untuk memandu, tetapi adalah tanggungjawab untuk **menjaga nyawa**.
18. Data keselamatan jalan raya menunjukkan statistik yang amat membimbangkan dan menyedihkan. Saban tahun, **lebih 60% atau sekitar 4,500 kes kematian** akibat nahas jalan raya di Malaysia melibatkan penunggang dan pembonceng motosikal. Yang paling menyedihkan lagi, majoriti golongan umur yang terlibat adalah dalam lingkungan umur **di bawah 30 tahun**, iaitu penunggang **muda dan belia**. Kes nahas pula berlaku majoritinya dikategorikan dalam **masa perjalanan puncak** pagi dan petang, iaitu sama ada dalam **perjalanan pergi dan pulang ke tempat kerja** dan juga ke **sekolah**.

19. Maka, setelah mendapatkan lesen, menungganglah dengan **mematuhi semua peraturan jalan raya, bertimbang rasa, berhemah dan tidak terburu-buru**. Jangan menunggang dengan **mengikut perasaan atau terlibat dalam aktiviti tidak sepatutnya**. Semua perbuatan itu adalah **berbahaya** dan membawa kepada risiko berlakunya **kemalangan** dan **kematian**.
20. Suka juga saya ingatkan bahawa **topi keledar adalah wajib dipakai dan digunakan dengan kemas semasa menunggang atau membonceng motosikal**. Gunakan topi keledar yang mempunyai **standard SIRIM**.

PENUTUP & PERASMIAN

Hadirin yang dikasihi sekalian,

21. Sekali lagi saya ingin menekankan bahawa program **MyLesen B2** dan **program MyB2S** adalah merupakan program yang dilaksanakan khusus oleh Kerajaan MADANI, yang amat perihatin dalam usaha membantu **meringankan tanggungan kewangan** golongan kurang berkemampuan di Malaysia, serta dalam usaha **meningkatkan tahap keselamatan jalan raya**.
22. Di kesempatan ini, saya ingin merakamkan ucapan penghargaan dan setinggi-tinggi terima kasih kepada **KPM** atas kerjasama erat yang diberikan dalam menjayakan **program MyB2S**.

23. Penghargaan jua diucapkan kepada seluruh **warga kerja MOT, JPJ**, pihak **Institut Memandu**, dan **rakan-rakan strategik** dalam usaha-usaha yang dilaksanakan bagi **memastikan semua inisiatif ini terlaksana dengan cemerlang**.
24. Tidak dilupakan **rakan-rakan media** yang sentiasa konsisten membantu Kerajaan dalam menyebarkan **mesej keselamatan** ini kepada masyarakat umum.
25. Akhir kata, saya dengan sukacitanya merasmikan **Program Pemerkasaan Belia melalui Program MyLesen B2 dan MyB2S anjuran Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) di Yong Peng, Johor**.
26. Sekian, terima kasih.

[TAMAT]